

SEPINTAS LALU DALAM PERKARA-PERKARA YANG MENGENAI AGAMA PENYAKIT JIWA UMAT ISLAM MINTA PERHATIAN

Kalau kita melihat anggota badan kita, atau anggota saudara kita, keluarga kita, jiran atau sahabat kita mendapat sakit, luka padah dan lain-lain penyakit, biasanya kita terperanjat atau terkejut; dan kita dengan segera memeriksa atau berikhtiar mencari ubatnya. Tetapi perbuatan yang demikian itu tidak begitu kalau mereka mendapat sakit jiwa atau rosak rohaninya, umpamanya rosak budi pekertinya, jahat tingkah lakunya, melihatnya dengan penglihatan sepintas lalu sahaja tidak menjadi perhatian kita!

Mengapa demikian? Adakah penyakit jiwa itu lebih ringan daripada penyakit badan? Tidak! Sekiranya penyakit jiwa itu menimpa sesuatu bangsa, lebih-lebih lagi yang mengenai akhlak dan kesopanan, nescaya bangsa itu akan jatuh ke lembah kesengsaraan, yang payah dicari ubatnya. Perkara jiwa sebenarnya lebih sukar daripada perkara badan, demikian juga tentang mengubatinya.

Di dalam Islam, setelah berulang-ulang diperintah mengadakan persatuan yang teguh, persatuan yang membawa damai dan ikhlas sesama Muslimin, yang berbuahakan peri kemanusiaan, timbangrasa oleh sekalian manusia, maka bagi mendoman perjalanannya dan untuk meneguhkan pertaliannya di antara satu dengan lain. Diadakan oleh Tuhan satu pertahanan yang dinamakan dan terkenal di dalam Islam dengan sebutan “*Amar ma'rūf nahī munkar*”.

Dengan adanya pertahanan ini, tidaklah orang Islam sampai tersesat benar. Bagi orang yang hanyut masih juga ada tempat berpegang. Mereka selama-lamanya tidak akan tersesat jalan selagi ada ketua-ketua Islam yang masih berbenteng dengan “*Amar ma'rūf nahī munkar*” itu.

Kesenangan, kebahagiaan dan keuntungan yang dirasa oleh seseorang Muslim di dalam hidupnya dengan usahanya yang baik yang dibuatnya maka diharuskan ia mengajak saudara seagamanya membuat kebaikan itu supaya mereka pun dapat juga kesenangan, keuntungan dan kebahagiaan itu. Pelawaan atau ajakan dinamakan *amar ma'rūf*: ertinya mengajak orang mengerjakan kebaikan.

Sebaliknya pula jika ia melihat saudaranya hendak atau kkuatir akan mengerjakan kejahatan maka diharuskan baginya menegahnya supaya saudaranya itu tidak terjerumus ke jurang kejahatan – yang demikian dinamakan *nahī munkar* ertinya: menegah daripada melakukan kejahatan.

Dengan menjalankan pertahanan tadi atau benteng *amar ma'rūf nahī munkar* dipertahankan untuk mempertahankan persatuan yang telah kita dirikan nescaya tidak ada jalan bagi segala macam kejahatan. Kekacauan dan kerosakan akan memasuki benteng (kubu) pertahanan itu. Pada masa itu baharulah hak kita mendapat kemenangan yang dijanjikan Tuhan seperti yang tersebut dalam al-Quran (ertinya) : “Hendaklah ada daripada kamu satu golongan yang

mengajak manusia berbuat kebajikan, menyuruh berbuat baik dan menegah berbuat jahat; dan mereka inilah orang-orang yang akan mendapat kemenangan.” (Alī ‘Imrān 104)

Begitu nyata perintah Tuhan bagi kita. Tetapi masih sahaja kita lengah dan mencuaikannya; dan orang-orang yang bertanggungjawab untuk menjalankannya sama meninggalkannya. Mari kita lihat buktinya.

Di dalam lingkungan kaum Muslimim masih terlampau banyak yang mengaku menjadi orang Islam yang di dalam perbuatannya tidak sedikit pun mengikut perintah-perintah Islam. Banyak di antaranya yang masih berjudi, berdusta besar, menipu, mencuri dan lain-lain kejahatan yang sangat tidak patut dilakukan oleh orang yang mengaku menjadi orang Islam. Adakah lingkungan-lingkungan yang terkemuka orang-orang Islam yang bekerja menegur perbuatan itu? Ada. Tetapi sedikit benar. Tidak memadai dengan banyaknya yang melakukan kejahatan; dan terkadang-kadang orang yang bertanggungjawab untuk menegur itu pula ia sendiri patut ditegur.

Apakah dengan nama sahaja menjadi orang Islam dapat mengangkat kedudukan kaum Muslimin? Sekali-kali tidak! Yang dapat mengangkat kedudukan kaum Muslimin ialah orang-orang yang sebenar-benarnya menjalankan perintahan Islam dan sebenar-benarnya menjauhi larangannya. Orang Islam yang melakukan kejahatan selain daripada merosakkan jiwa dan dirinya, juga dengan sebabnya boleh merendahkan kedudukan kaum Muslimin dan mencemarkan nama baik Islam pada pandangan umum.

Dengan kerana itulah maka kepada alim ulama guru-guru agama, mubaligh Islam yang bertanggungjawab, selain daripada mereka mengajak manusia mengerjakan kebaikan juga harus bekerja menegah manusia daripada melakukan kejahatan terutamanya di dalam lingkungan kaum Muslimin sendiri. Percayalah. Hanya dengan kesucian batin dan jiwa orang-orang Islam daripada segala maksiat dan kejahatan akan dapat

kita bersatu sebagai satu tubuh yang apabila sakit sebahagiannya nescaya merasa pula sakit semuanya. Sebagaimana yang disabdakan oleh junjungan kita Muhammad (SAW) yang maksudnya: Perumpamaan cinta dan kasih sayang orang-orang Islam sesama Islam adalah sebagai satu tubuh apabila sebahagian anggota daripadanya sakit nescaya dirasa oleh anggota yang lain di tubuh dengan tidak boleh tidur dan panas.

Dengan kesucian hati, cinta dan kasih-sayang semacam itulah terletak janji Tuhan akan memberikan kemenangan dan kebahagiaan kepada kita sebagaimana yang tersebut di dalam ayat tersebut di atas tadi. Di dalam kita memikirkan perkara-perkara yang berat itu hendaklah juga kita memikirkan saudara-saudara kita yang telah tersesat jalan supaya mereka terselamat daripada sesat yang bermakna akan menambah kita kaum Muslimin adanya – Muḥammad ‘Alī di dalam kitab Rūḥ al-Muntabirah.



Tuan Hasan bin Ahmad (Hasan Bandung) sedang dijumpai oleh wakil-wakil akhbar Melayu di Padang Kapal Terbang Kelang pada 31 Mei yang lalu tatkala ia hendak berangkat ke Jakarta – gambar Qalam.